

# Putrade kumpul sumbangan kebajikan

**PRIHATIN.** Putrade Property Management Sdn. Bhd. (Putrade), syarikat yang menguruskan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) telah melancarkan kempen Mari Beramal Bersama PWTC bagi mengumpul sumbangan dan bantuan seperti makanan serta minuman daripada segenap masyarakat.

Dilancarkan pada awal bulan lalu, kempen di bawah program tanggungjawab sosial korporat syarikat tersebut bertujuan untuk meringankan urusan pihak pengurusan rumah dan pertubuhan yang menempatkan warga emas dan anak-anak yatim.

Putrade berjaya mengumpul sejumlah besar barang makanan seperti beras, gula, susu, biskut, minyak masak serta keperluan lain daripada pelbagai pihak termasuk badan-badan korporat,



**KAKITANGAN** Putrade bergambar kenangan bersama penghuni Rumah Kasih Harmoni di Sungai Buloh baru-baru ini.

kakitangan PWTC dan individu persendirian.

Sumbangan telah diagihkan ke rumah dan pertubuhan kebajikan di sekitar Selangor termasuk Rumah Jagaan dan Rawatan Orang-orang Tua Al-Ikhlas di Puchong, Rumah Kasih Harmoni di Sungai Buloh, Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Al-Nasuha di Batu Caves serta Pertubuhan

Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Baitu Saidati Khadijah di Gombak.

Kempen berkenaan masih diteruskan dan pihak pengurusan PWTC berharap dapat mengumpul lebih banyak sumbangan serta bantuan kepada anak-anak yatim dan miskin sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti.